



Ruj: ( 3 ) dlm.KKM-58/300/1-5 Jld.3  
Tarikh: 13 Jun 2017

Setiausaha-setiausaha Bahagian  
Pengarah-pengarah Bahagian  
Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri  
Pengarah-pengarah Hospital  
Pengarah-pengarah Institusi  
Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 7 TAHUN 2017**

**GARIS PANDUAN PENGECUALIAN FI BAGI PENYAKIT BERJANGKIT  
DI KALANGAN WARGA ASING**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk meminda garis panduan sebelum ini iaitu Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2 Tahun 2016 mengenai pengecualian fi bagi tujuh (7) penyakit berjangkit di kalangan warga asing yang menerima pemeriksaan dan saringan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai usaha untuk melindungi kepentingan dan hak rakyat

Malaysia daripada mendapat jangkitan penyakit berjangkit daripada warga asing yang boleh menyebabkan wabak dan tergugatnya kesihatan orang ramai dalam komuniti.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengecualian fi bagi tujuh (7) penyakit berjangkit iaitu demam kuning, ebola, tifoid, malaria, kolera, plague dan tuberkulosis (*first line drugs* sahaja) di kalangan warga asing telah diluluskan melalui Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2 Tahun 2016.
- 2.2 Walau bagaimanapun, pengecualian fi tersebut adalah terhad kepada pesakit warga asing atau kontak warga asing yang menjadi kontak kepada kes yang disahkan menghidap penyakit berjangkit yang dirujuk oleh pegawai yang diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) ke klinik kesihatan/hospital untuk pemeriksaan dan saringan penyakit tersebut. Pengecualian fi tersebut adalah tidak terpakai kepada warga asing yang datang ke klinik kesihatan/hospital secara *walk in* sama ada disyaki atau disahkan menghidap penyakit berjangkit dan caj perlu dikenakan mengikut Perintah Fi yang berkuat kuasa.
- 2.3 Susulan itu, semakan semula pengecualian fi bagi penyakit berjangkit di kalangan warga asing berkaitan telah dibuat bagi memastikan warga asing yang telah didiagnos menghidap penyakit berjangkit datang ke klinik kesihatan/hospital secara *walk in* akan turut dikecualikan daripada fi apabila warga asing tersebut dirujuk oleh pengamal perubatan yang berkhidmat di fasiliti Kerajaan untuk mendapatkan rawatan susulan di hospital.



### 3. PENGECUALIAN FI BAGI PENYAKIT BERJANGKIT DI KALANGAN WARGA ASING

3.1 Selaras dengan kuasa peremitan fi yang diberikan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah perenggan 15 Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014, pengecualian fi bagi penyakit berjangkit di kalangan warga asing yang diluluskan adalah seperti yang berikut:

- (i) pengecualian fi pesakit luar, ujian makmal dan prosedur-prosedur siasatan lain yang berkaitan bagi kontak warga asing yang menjadi kontak kepada kes yang disahkan menghidap penyakit berjangkit, yang dirujuk oleh Pegawai Yang Diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ke klinik kesihatan/hospital untuk pemeriksaan dan saringan. Rujukan ke klinik kesihatan/hospital oleh Pegawai Yang Diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 hendaklah dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1(i)** atau **Lampiran 1(ii)**;
- (ii) pengecualian caj ujian makmal bagi kes warga asing yang sampel klinikalnya diambil untuk ujian makmal di bawah Program Survelan Penyakit dan Berkepentingan dalam Jabatan Kesihatan Awam seperti survelan enterovirus dan influenza. Walau bagaimanapun, sekiranya ujian makmal bagi kes tersebut adalah bagi tujuan diagnostik, maka prosedur ujian makmal berkenaan hendaklah dikenakan caj mengikut Perintah Fi yang berkuatkuasa;

- (iii) pengecualian fi bagi Program *Direct Observed Therapy* (DOT) penyakit Tuberkulosis (TB) di mana pesakit dikehendaki hadir ke klinik untuk memakan ubat di hadapan penyelia anggota kesihatan;
- (iv) pengecualian fi bagi pesakit warga asing yang disahkan menghidap mana-mana penyakit berjangkit seperti di **Lampiran 2** yang dirujuk dari klinik kesihatan ke hospital oleh pengamal perubatan yang berkhidmat di fasiliti KKM untuk mendapatkan rawatan atau bagi tujuan isolasi berkaitan penyakit berjangkit berkenaan sahaja. Walau bagaimanapun, segala ujian makmal dan prosedur-prosedur siasatan lain yang berkaitan di klinik kesihatan berkenaan untuk mendiagnos kes tersebut hendaklah dikenakan caj mengikut Perintah Fi yang berkuatkuasa bagi pesakit warga asing yang datang secara *walk in* tanpa surat rujukan daripada Pegawai Yang Diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988; dan
- (v) pengecualian fi bagi pesakit warga asing seperti di perenggan (iv) yang mendapatkan rawatan susulan sebagai pesakit luar di klinik kesihatan/hospital untuk rawatan berkaitan penyakit tersebut sahaja.

3.2 Walau bagaimanapun, tiada pengecualian fi bagi pesakit warga asing seperti yang berikut:

- (i) Datang ke klinik secara *walk in* tanpa surat rujukan sama ada disyaki atau disahkan menghidap penyakit berjangkit; dan

- (ii) Datang ke klinik/hospital untuk mendapatkan rawatan di negara ini sebagai *Health Tourism*.

#### 4. RUJUKAN KE HOSPITAL BAGI KES PENYAKIT BERJANGKIT

- 4.1 Bagi warga asing yang telah didiagnos menghidap penyakit berjangkit seperti di **Lampiran 2** tetapi telah gagal untuk mendapatkan rawatan, pegawai yang diberikuasa yang dilantik boleh merujuk kes ke klinik kesihatan/hospital untuk rawatan selanjutnya dengan menggunakan borang di **Lampiran 3**. Tiada sebarang caj akan dikenakan.
- 4.2 Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan rawatan penyakit berjangkit dan menggalakkan pesakit mendapat rawatan awal dan sempurna, bersama-sama ini juga dikemukakan Carta Alir Mendapatkan Rawatan Bagi Pesakit Warga Asing di Klinik Kesihatan/Hospital KKM seperti di **Lampiran 4**.
- 4.3 Bagi penyakit berjangkit yang selain dinyatakan seperti di **Lampiran 2**, deposit perlu dikenakan kepada pesakit yang dimasukkan ke wad seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fi yang berkuat kuasa. Pengurusan deposit dan kutipan hasil adalah berpandukan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 2/2015 bertarikh 4 Mac 2015 mengenai Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Bagi Pesakit Warga Asing Yang Tidak Membayar Deposit Semasa Mendapatkan Rawatan Di Hospital Kerajaan.



## 5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 4 Mei 2016 dengan ini adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

  
(DATO' SERI-DR. CHEN CHAW MIN)

**NOTIS MENJALANI PEMERIKSAAN PENGESAHAN PENYAKIT .....**

Adalah dimaklumkan bahawa penyiasatan pihak kami mendapati tuan/puan bernama ..... dengan No. Pasport ..... dan \*individu/mereka yang di bawah jagaan tuan/puan bernama:

Bil.	Nama Kontak	No. Pasport	Umur	Jantina
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				

mempunyai kaitan rapat dengan pesakit ..... yang boleh menyebabkan tuan/puan dan individu/mereka yang di bawah jagaan tuan/puan turut mendapat jangkitan.

2. Oleh yang demikian, tuan/puan dan individu/mereka yang di bawah jagaan tuan/puan diarah untuk menghadirkan diri ke ..... (nama Klinik Kesihatan) pada waktu pejabat \* **serta merta / dalam tempoh 2 minggu** dari tarikh surat ini bagi menjalani pemeriksaan saringan dan pengesahan penyakit tersebut.

3. Kegagalan tuan/puan dan individu/mereka yang dibawah jagaan tuan/puan hadir menjalani pemeriksaan boleh ditafsir sebagai enggan bekerjasama bagi membendung penyebaran penyakit berjangkit. Ini memungkinkan tuan/puan dikenakan tindakan undang-undang di bawah **seksyen 15 dibaca bersama seksyen 22 dan 24, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Nama, Tandatangan dan Cop Pegawai Diberi Kuasa)

Pejabat Kesihatan Daerah / .....

/Pejabat Kesihatan Pintu Masuk

No. Telefon: .....

Tarikh:.....

s.k. Pegawai Perubatan Y/M

.....

\*Potong mana yang tidak berkenaan.

Maklumat Penerimaan Notis:

.....

Tandatangan Penerima

Nama:.....

**NO. DAFTAR :**

**KES INDEKS**

							-				-		
<small>Kod Negeri</small>		<small>Kaw./Bhg</small>		<small>Daerah</small>				<small>Nombor Siri</small>				<small>Tahun</small>	

**MEMO RUJUKAN BAGI PEMERIKSAAN DAN SARINGAN KONTAK PESAKIT WARGA ASING DENGAN PENYAKIT BERJANGKIT  
SEPERTI DI JADUAL I AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988**

Kepada Pegawai Perubatan YM

Nama Kes Indeks:

Nama Fasiliti:

No. Pasport dll:

Alamat:

Diagnosa:

Daerah:

Tuan,

**SENARAI KONTAK UNTUK PEMERIKSAAN SARINGAN**

Berikut diajukan senarai kontak / kes ..... untuk menjalani pemeriksaan saringan di klinik tuan.

Bil.	Nama Kontak	Hubungan Dgn. Indeks	No. Passport	Umur	Jantina	Alamat semasa & No. Telefon
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						

Sukacita tuan dapat melakukan pemeriksaan ke atas mereka. Sekiranya mereka gagal hadir ke klinik dalam tempoh **tujuh hari bekerja**, sila maklumkan kepada Pegawai Kesihatan Daerah atau Pegawai Kesihatan Persekitaran atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Penyakit Berjangkit) di Pejabat Kesihatan Daerah untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

..... (Tandatangan)

**Nama:**

Pejabat Kesihatan Daerah:

**Jawatan:**

Tarikh:

**No. Telefon:**



**Senarai Penyakit Berjangkit Yang Diberi Pengecualian Fi Bagi  
Pesakit Warga Asing**

1. Demam Kuning (*Yellow Fever*)
2. Ebola
3. Kolera
4. Malaria
5. Plague
6. Tifoid
7. Tuberkulosis (*first line drugs sahaja*)

**NOTIS MENJALANI PEMERIKSAAN  
DAN RAWATAN BAGI PENYAKIT .....**

Adalah dimaklumkan bahawa penyiasatan pihak kami mendapati kes ini bernama ..... dengan No. Pasport ..... menghidap penyakit \* TB (batuk kering) / Tifoid (demam kepialu) / Kolera (taun) / Malaria / Yellow Fever / Ebola / Plague (hawar) dan perlu menjalani pemeriksaan dan rawatan lanjut.

2. Oleh yang demikian, tuan/puan diarah untuk menghadirkan diri ke ..... (nama Klinik Kesihatan / hospital) bagi menjalani pemeriksaan dan rawatan lanjut untuk penyakit tuan/puan.

3. Kegagalan tuan/puan untuk hadir menjalani pemeriksaan boleh ditafsir sebagai enggan bekerjasama bagi membendung penyebaran penyakit berjangkit. Ini memungkinkan tuan/puan dikenakan tindakan undang-undang di bawah **seksyen 15 dibaca bersama seksyen 22 dan 24, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

.....

**(Nama, Tandatangan dan Cop Pegawai Diberi Kuasa)**

Pejabat Kesihatan Daerah / .....

No. Telefon: .....

Tarikh: .....

s.k. Pegawai Perubatan Y/M

**Nota: \* potong mana yang tidak berkenaan**


Maklumat Penerimaan Notis:

.....

Tandatangan Penerima

CARTA ALIR


Pengecualian Fi Bagi Warga Asing Yang Disyaki Menghidap Penyakit Berjangkit





CARTA ALIR

Pengecualian Fi Bagi Warga Asing Yang Disahkan Menghidap Mana-mana Penyakit Berjangkit Seperti di Lampiran 2



CARTA ALIR

**Pengecualian Fi Bagi Warga Asing Yang Didiagnos Menghidap Mana-mana Penyakit Berjangkit Seperti di Lampiran 2 Tetapi Gagal Mendapatkan Rawatan**

